



## **KENYATAAN MEDIA**

### **UNTUK SIARAN SEGERA**

## **KEMPEN WOW! SYOKNYA RAYA 2024**

### **TAWAR HADIAH LUMAYAN**

1. Keseronokan menyambut Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini akan lebih meriah dengan **Kempen WOW! Syoknya Raya 2024** yang dianjurkan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Kempen ini sebagai tanda penghargaan PTPTN kepada masyarakat Malaysia kerana memilih Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN) sebagai pilihan utama untuk membuat simpanan semasa musim perayaan.
2. Melalui kempen ini, PTPTN menawarkan hadiah lumayan iaitu wang tunai keseluruhan berjumlah RM100,000 untuk 181 pemenang. Hadiah utama berjumlah RM10,000 untuk 1 pemenang dan hadiah saguhati berjumlah RM500 untuk 180 pemenang. Kempen ini terbuka kepada semua pendeposit Simpan SSPN iaitu Simpan SSPN Prime dan Simpan SSPN Plus. Tempoh kempen bermula **1 Mac 2024 sehingga 30 April 2024**.
3. Untuk menyertai kempen ini, pendeposit hanya perlu membuka atau membuat penambahan simpanan dalam tempoh kempen. Setiap simpanan bersih RM50 bagi Simpan SSPN Prime akan mendapat satu (1) cabutan manakala bagi setiap simpanan bersih RM50 bagi Simpan SSPN Plus layak mendapat dua (2) cabutan secara automatik. Menariknya, kelebihan ini juga diberikan kepada pengguna myPTPTN yang akan mendapat cabutan berganda. Pendeposit Simpanan SSPN Prime yang membuat simpanan bersih RM50 melalui myPTPTN atau melalui potongan gaji atau debit terus, akan mendapat lima (5) cabutan. Manakala pendeposit Simpan SSPN Plus yang membuat simpanan bersih RM50 melalui myPTPTN atau melalui potongan gaji atau debit terus akan mendapat sepuluh (10) cabutan.

4. Pendeposit perlu memastikan akaun kekal aktif (akaun tidak ditutup), tiada tunggakan sehingga tarikh cabutan dan tidak boleh membuat pengeluaran atau pindahan simpanan sepanjang tempoh pengekalan bermula **1 Mei 2024 sehingga 31 Mei 2024** daripada mana-mana akaun yang didepositkan dalam tempoh kempen.

5. Pengerusi PTPTN, Datuk Norliza Abdul Rahim berkata, “Pendeposit Simpan SSPN yang menyertai kempen ini bukan sahaja berpeluang untuk memenangi hadiah yang lumayan, malah akan menikmati pelbagai keistimewaan dan manfaat Simpan SSPN. Antaranya, produk simpanan ini merupakan satu-satunya yang menawarkan pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan bersih sehingga RM8,000 setahun, selain turut memberikan perlindungan takaful ke atas pendeposit, Geran Sepadan sehingga RM10,000 untuk satu keluarga yang layak, dividen yang kompetitif, simpanan yang dijamin kerajaan dan patuh syariah.”

6. Menabunglah dengan menyimpan duit raya anak-anak dalam akaun Simpan SSPN. Simpan lebih, peluang menang pun lebih. Pembukaan atau penambahan akaun Simpan SSPN boleh dibuat secara dalam talian melalui aplikasi myPTPTN dengan lebih mudah, cepat dan selamat. Layarilah portal rasmi PTPTN di [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my) untuk maklumat lanjut